

# — Ubah sistem kerajaan perlu mandat rakyat

UM 31 AUG 1981

KUALA LUMPUR 30 Ogos — Perdana Menteri, Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad menegaskan hari ini bahawa sebarang perubahan yang hendak dilakukan ke atas sistem kerajaan haruslah diselaraskan di samping mendapat persetujuan rakyat.

Sebarang perubahan yang perlu dibuat juga harus dipertimbangkan dengan teliti dan wajar, sama ada ia akan membawa kebaikan atau keburukan, tambahnya.

"Banyak orang menyuruh kita mengubah sistem kerajaan, khususnya orang-orang asing yang pandai membuat gesaan seperti itu. Dan ada pula orang yang mendengar gesaan itu.

"Akibatnya, negara-negara yang telah mengubah sistem kerajaannya, Vietnam, Kampuchea, Afghanistan, Iran, Eutopia dan lain-lain telah bertukar dari yang demokratik kepada kurang demokratik atau menjadi kerajaan diktator," katanya.

Berucap merasmikan konvensyen Cina Malaysia anjuran MCA Wilayah Persekutuan di

Wisma MCA, Datuk Sri Dr. Mahathir mengingatkan rakyat supaya berhati-hati dan bersikap rasional terhadap sebarang perubahan dan mereka juga tidak harus mengubah sistem kerajaan kerana ia sesuai dengan kepentingan diri.

Beliau mempertahankan bahawa sistem Kerajaan Malaysia hari ini adalah 'formula yang boleh berjalan dengan baik.'

Dalam hubungan ini, beliau menarik perhatian kepada sistem Barisan Nasional yang merupakan gabungan unik dan sesuai bagi Malaysia kerana telah banyak mencapai kemajuan dan kejayaan.

## Stabil

"Malaysia boleh stabil hari ini adalah kerana pemimpin-pemimpinnya dapat memberikan perhatian yang wajar kepada faktor-faktor seperti sensitiviti sesuatu kaum.

"Dan kita mercapai kejayaan itu kerana kita membentuk masyarakat dengan berusaha membendung konflik-konflik dalam negara," katanya.

Katanya lagi, Barisan Nasional merupakan suatu gabungan yang unik kerana ia dibentuk, bukan sebelum pilihanraya, tetapi selepas pilihanraya.

Gabungan parti-parti yang memerintah negara ini adalah juga pertumbuhan yang dirangsang dengan lebih awal dengan tujuan untuk bekerjasama membentuk kerajaan.

"Barisan Nasional itu ditubuhkan bukanlah

kerana majoriti tidak berdaya menubuhkan sebuah kerajaan," tegasnya.

Datuk Sri Dr. Mahathir juga menegaskan bahawa kerajaan tidak akan tunduk kepada tuntutan mana-mana golongan atau kaum atau menerima tuntutan sesuatu kaum sahaja.

"Kerajaan tahu tanggungjawabnya dan ia tidak akan menyerah kepada tuntutan mana-mana kaum melainkan akan memberikan pertimbangan yang wajar kepada semua aspek issue itu," takannya.

Perdana Menteri mengingatkan rakyat Malaysia supaya sentiasa menyedari hakikat bahawa mereka tinggal di negara ini bersama kaum-kaum lain.

"Sekiranya satu kaum itu merasa sensitif, jangan lupa bahawa kaum-kaum lain merasa sensitif juga. Oleh itu biarlah kita berhati-hati semasa memberikan sebarang komen," katanya.

Menurut beliau, sebarang komen akan dapat diketahui oleh setiap orang Cina, Melayu, India, Iban, Kadazan atau lain-lain termasuk orang asing menerusi sebarang am.

Oleh kerana komen yang melampau akan mempengaruhi seluruh negara, Datuk Sri Dr. Mahathir menyeru agar setiap orang akan berhati-hati dan teliti dalam percakapan mereka.

Menyentuh tentang Hari Kebangsaan pula, beliau mengajak seluruh rakyat meninjau kembali segala kejayaan yang dicapai negara ini.

Katanya, selepas kemerdekaan pemimpin-pemimpin dahulu telah menyatakan bahawa tidak banyak perubahan yang dapat dibawa oleh pentadbiran baru

yang mengambil alih dari penjajah.

"Tetapi 24 tahun kemudian, kita lihat Malaysia telah mencapai kemajuan yang amat mengagumkan meskipun dalam keadaan yang penuh dengan kesusahan dan masalah perkauman yang serius," tegasnya lagi.

Beliau menganggap kemajuan dan kejayaan yang dicapai oleh Malaysia sejak merdeka merupakan pencapaian yang tidak pernah dicapai oleh negara-negara lain yang sama-sama merdeka.

Menurutnya, negara-negara yang mencapai merdeka hampir satu masa dengan Malaysia telah mengalami keadaan yang lebih buruk dari keadaan di bawah penjajah.

Mengenai MCA pula, beliau berkata parti itu adalah mewakili majoriti Cina Malaysia di negara ini dan bukan mewakili orang Cina.

Terdahulu daripada itu, Pengerusi MCA Wilayah Persekutuan Encik Tan Koon Swan menyeru orang-orang Cina supaya tidak mengeluh dalam gelutan dengan masalah-masalah mereka.

Katanya, mereka sebaliknya harus mengubah pendekatan mereka dalam menyelesaikan masalah dan juga mengubah stail pengurusan mereka.

Beliau berharap kaum Cina akan memainkan peranan yang lebih positif dalam pembangunan negara untuk mewujudkan suasana yang lebih baik bagi perpaduan nasional.